KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **6 April 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 7



PEMANDU kenderaan dan penunggang motosikal mengisi minyak mengunakan kelayakan Program Budi MADANI RON95 (BUDI95) sebanyak 200 liter sebulan bermula 1 April lalu. Harga RON95 bersubsidi kekal pada RM1.99 seliter manakala Sabah dan Sarawak akan terus menikmati diesel subsidi pada kadar RM2.15 seliter. - Gambar BERNAMA

**DIESEL: KPDN RUNDINGI KEMENTERIAN KEWANGAN**

# Percepat bayar balik

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi membolehkan pembayaran balik modal kepada pengusaha stesen minyak dipercepatkan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya memahami cabaran dihadapi pengusaha minyak berkenaan yang mendakwa terpaksa mendahului modal untuk pembelian diesel dengan harga tinggi ketika ini.

Menurutnya, dari segi mekanisme pembayaran komersial adalah antara pengusaha stesen minyak dengan syarikat minyak, namun pihaknya mengambil perhatian serius berhubung perkara ini.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi membincangkan strategi sesuai bagi menangani masalah berkenaan termasuk membolehkan pembayaran balik dibuat dengan kadar segera.

"Kita faham mereka terpaksa mengeluarkan modal untuk tampung pembelian awal, namun kena tahu syarikat minyak juga kini terbeban," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir Taklimat Penguatkuasaan Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) dan Akta Kawalan Bekalan 1961 di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan pengusaha stesen minyak ketika ini mendakwa terpaksa menjadi seperti 'pembiaya tidak rasmi' kepada agihan subsidi bersasar diesel akibat mekanisme pembayaran modal tunai yang terpaksa mereka tanggung untuk membeli bekalan bahan bakar itu.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon dilaporkan berkata, situasi itu tidak adil kepada mereka, di mana realitinya pengusaha secara efektif mendahulukan pembiayaan subsidi menggunakan modal sendiri.

DPMM berkata, pihaknya menerima aduan dan keluhan daripada Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera (BUMIPEDA) mengenai kesan kenaikan harga minyak diesel terhadap bebanan kewangan yang tidak sepatutnya ditanggung oleh mereka.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 5

# Teliti kaedah percepat bayaran balik modal stesen minyak

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi mempercepatkan pembayaran balik modal kepada pengusaha stesen minyak.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata pihaknya memahami cabaran dihadapi pengusaha yang terpaksa mendahului modal untuk pembelian diesel pada harga tinggi ketika ini.

Dari segi mekanisme, katanya, pembayaran komersial adalah urusan antara pengusaha stesen minyak dan syarikat minyak, namun kementerian tetap mengambil perhatian serius terhadap isu berkenaan.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi merangka strategi sesuai untuk menangani masalah ini, termasuk mempercepatkan proses pembayaran balik.

"Kita faham pengusaha terpaksa mengeluarkan modal bagi menampung pembelian awal, pada masa sama, syarikat minyak juga berdepan dengan bebanan," katanya ketika menghadiri Taklimat Penguatkuasaan Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) dan Akta Kawalan Bekalan 1961, di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan pengusaha stesen minyak mendakwa mereka terpaksa bertindak seperti 'pembiaya tidak rasmi' kepada agihan subsidi bersasar diesel susulan mekanisme pembayaran modal tunai yang perlu ditanggung sendiri bagi mendapatkan bekalan bahan api.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Norsyahrin Hamidon, dilaporkan berkata situasi itu tidak adil kerana pengusaha secara efektif mendahulukan pembiayaan subsidi menggunakan modal sendiri.

Menurut DPMM, pihaknya turut menerima aduan daripada Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera berhubung kesan kenaikan harga diesel terhadap beban kewangan yang tidak sepatutnya ditanggung oleh pengusaha stesen minyak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 21

## KEKURANGAN MINYAK MASAK PEKET

# KPDN tak terima sebarang aduan

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak menerima sebarang aduan berhubung kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi susulan Pelaksanaan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) di Johor tahun lepas.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh berkata mekanisme itu memastikan hanya warga tempatan menikmati subsidi yang ditanggung kerajaan.

"Dengan adanya eCOSS, (minyak masak bersubsidi) sampai kepada pengguna dan kita dapati tiada lagi aduan berkenaan ketiadaan minyak masak peket (selain) kita kekang daripada orang bukan warganegara membelinya," katanya pada sidang media selepas sesi walkabout di sebuah pasar raya di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo.

Fuziah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keberkesanan eCOSS setakat ini.

Beliau berkata 486,000 pengguna direkod menggunakan sistem itu di Johor, sementara di seluruh Malaysia pula dianggar sebanyak tiga juta pengguna.

Katanya terdapat 69 premis Point of Sales (POS) di negeri ini dengan 1,030 tan kuota minyak masak peket bersubsidi diperuntukkan dan setakat ini, 8.2 juta transaksi jualan minyak masak peket bersubsidi telah direkodkan melalui eCOSS di Johor.

Dalam pada itu, Fuziah berkata KPDN komited dalam memastikan tiada ketirisan berlaku di peringkat pemborong dengan mengambil tindakan menyenarai hitam pemborong yang didapati tidak mematuhi peraturan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

The Star

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 5

# Diesel siphoning ring busted

## Hoses, pumps used to transfer fuel between two tankers

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

**BUTTERWORTH:** A diesel siphoning syndicate that used small lorries to transfer fuel into larger tankers for storage was busted less than a month into its operations.

The illegal activity was uncovered during raids under Ops Tiris 4.0 and Ops Jeriji conducted by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Two Myanmar nationals in their 20s, each driving a tanker lorry loaded with diesel, were arrested in a residential area here.

The ministry's enforcement team seized hoses, a pump and 21,190 litres of diesel, with total seizures valued at RM327,000.

Several business-related documents were also confiscated to assist investigations, said the ministry's Penang director S. Jegan.

"During the raid, we found two tankers being used to store diesel, with a smaller 17-tonne tanker transferring fuel into a larger 28-tonne tanker in a residential area.

"Over the course of our month-long surveillance, we observed smaller lorries being used to transfer diesel into larger tankers.

"We believe the fuel was intended to be transported out of Penang to other states or even overseas, depending on price differences," he said here yesterday.

Jegan said that their inspections revealed the premises failed to produce the necessary licences or permits to handle controlled goods.

"We are still identifying the masterminds behind this racket.

"We have opened an investigation paper under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 (Act 122) for possession of controlled goods with intent to commit an offence," he said.

Jegan added that individuals convicted under the Act face fines of up to RM1mil and up to RM3mil for subsequent offences, imprisonment of up to three years, or both.

Companies, meanwhile, may be fined up to RM2mil, or up to RM5mil for subsequent offences.

He said the ministry would continue to intensify monitoring and enforcement to curb the diversion of subsidised goods.

"Those with information on such activities are urged to lodge complaints through the ministry's official channels," he said.



**Secret plan:** Jegan (extreme right) and KPDN enforcement officers demonstrating how the diesel was pumped between the tankers to be transported illegally out of Penang. — ZHAFARAN NASIB/The Star

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

"During the raid, we found two tankers being used to store diesel, with a smaller 17-tonne tanker transferring fuel into a larger 28-tonne tanker in a residential area."
S. Jegan

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 3

# KPDN rampas diesel bernilai lebih RM70,000

**Winnie Kasmir**

SANDAKAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) cawangan Sandakan menumpaskan satu aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi dalam serbuan di bawah Ops Tiris 4.0 di sebuah stesen minyak di bandar ini pada pagi Jumaat.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDN Sandakan Joe Azmi Jamil berkata dalam operasi kira-kira jam 11.12 pagi itu sepasukan pegawai penguatkuasa KPDN Sandakan menyita sebanyak 120 liter minyak diesel bersubsidi yang disimpan dalam tujuh jerikin dan diangkut menggunakan sebuah kenderaan pacuan empat roda.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati dua lelaki berusia antara 34 hingga 49 tahun, masing-masing seorang warga tempatan dan seorang warga asing tidak memiliki sebarang kebenaran atau permit untuk membeli minyak diesel bersubsidi dalam kuantiti tersebut.

"Serbuan ini merupakan hasil pemeriksaan berterusan di bawah Ops Tiris 4.0 yang dilaksanakan KPDN Sandakan selaras dengan arahan kementerian yang berkuatkuasa mulai 1 April khusus bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kedua-dua suspek termasuk pengusaha stesen minyak terbabit, akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Nilai keseluruhan rampasan diganggarkan berjumlah RM70,258," katanya dalam kenyataan kepada media.

Mengulas lanjut beliau menyatakan arahan terbabit menetapkan kawalan penjualan diesel kepada kenderaan pengangkutan darat mengikut kategori dengan had pembelian sebanyak 50 liter, 100 liter dan 150 liter bagi setiap transaksi untuk memastikan bekalan diesel bersubsidi pada harga RM2.15 seliter tidak disalahguna oleh pihak tidak bertanggungjawab.




**PEGAWAI penguatkuasa KPDN Sandakan menyita 120 liter diesel bersubsidi yang diangkut menggunakan sebuah pacuan empat roda.**

Menurutnya di bawah akta tersebut individu yang disabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi kesalahan berulang denda boleh mencecah RM3 juta atau penjara sehingga lima tahun.

"Syarikat pula boleh didenda sehingga RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan berikutnya.

"Sehubungan itu KPDN mengingatkan semua pengusaha stesen minyak agar mematuhi sepenuhnya arahan yang telah ditetapkan, termasuk larangan menjual petrol Ron95 dan diesel bersubsidi kepada pembeli tanpa kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan Malaysia.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan tersebut," tegasnya.

copyright
B03D33ED3C0E78902131

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 2



# RM70,258 S'kan diesel seizure

**Winnie Kasmir**

SANDAKAN: Two men were detained after enforcement officers from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) seized 120 litres of subsidised diesel during a raid on a petrol kiosk, here, Friday.

The operation, carried out under Ops Tiris 4.0 at around 11.12am, resulted in the confiscation of diesel stored in seven jerry cans and transported using a four-wheel-drive vehicle. The estimated seizure amounted to RM70, 258.

Sandakan KPDN District Chief Enforcement Officer Joe Azmi Jamil said initial checks revealed that neither suspect possessed the necessary authorisation or permit to purchase subsidised diesel in such quantities.

"The duo, aged 34 and 49, one a local and the other a foreigner, did not hold any permission or permit to buy subsidised diesel in that quantity," he said in a statement.

The raid follows the implementation of new diesel sales controls under Ops Tiris 4.0, which took effect on April 1, specifically for Sabah, Sarawak and Labuan.

Under the directive, sales of diesel to land transport vehicles are capped at 50, 100 and 150 litres per transaction depending on vehicle category. The controls are aimed at preventing abuse of subsidised diesel, which is priced at RM2.15 per litre.

Both suspects, along with the petrol station operator involved, are being investigated under the Control of Supplies Act 1961.

Those convicted under the Act face fines of up to RM1 million, imprisonment of up to three years, or both. Repeat offenders face fines of up to RM3 million or up to five years in jail. Companies found guilty may be fined up to RM2 million for a first offence and up to RM5 million for subsequent offences.

The Ministry reminded all petrol kiosk operators to fully comply with the regulations, including the prohibition on selling RON95 petrol and subsidised diesel to buyers without written authorisation from the Controller of Supplies Malaysia.

The Sandakan branch said monitoring and inspections under Ops Tiris 4.0 will continue to be intensified to curb misuse of controlled goods in the district.

Those with information on suspected subsidy abuse may contact the Ministry via WhatsApp at 019-848 8000, the e-Aduan KPDN portal, the toll-free hotline at 1-800-886-800, or the Ez ADU KPDN app.

The public is also reminded to verify information before sharing it and to avoid spreading unverified claims that could cause unnecessary public alarm.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 2

ed at preventing abuse of subsidised cause unnecessary public alarm.

# 1,000 litres diesel seized in LD

Azmie Lim

LAHAD DATU: Two men were detained while 1,000 litres of diesel as well as two Four Wheel Drives were seized following a raid conducted by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) on Sunday.

The total value of the confiscated items were estimated at RM117,150.

KPDN Lahad Datu Enforcement Chief Azizul Amran said the arrest and seizure were made during an Ops Tiris 4.0 at a fuel station, here. He said the suspects in their 20s were in the middle of transferring diesel into drums on the 4WD vehicles.

"They failed to produce any permits or authorisation documents for the diesel filling.

"Both individuals were detained to assist investigations under the Control of Supplies Act 1961," he said.

Azizul said enforcement teams would continue to strengthen monitoring efforts to ensure controlled goods, including RON95 petrol, are distributed in accordance with regulations.

Those with information related to the misuse of controlled goods are encouraged to share information through official KPDN channels to support ongoing enforcement efforts.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 10

# KPDN Sandakan seizes 120 litres of subsidised diesel, detains two men

SANDAKAN: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sandakan branch foiled an attempt to misappropriate subsidised diesel during Ops Tiris 4.0 at a fuel station here on April 3.

The operation took place about 11.12 am, where enforcement officers seized 120 litres of subsidised diesel stored in seven jerry cans found in the rear of a four-wheel-drive vehicle. The total estimated value of the seizure is RM70,258.

Two men, aged between 34 and 49—one Malaysian and one foreigner—were detained. Neither individual possessed any permit or authorisation to purchase the subsidised diesel, Sandakan KPDN enforcement chief Joe Azmi Jamil said.

The raid followed a KPDN directive that took effect on April 1, for Sabah, Sarawak, and the Federal Territory of Labuan. The directive requires petrol station licensees to control diesel sales for land transport vehicles according to vehicle category, with transaction limits set at 50, 100, or 150 litres. This measure aims to prevent the exploitation of subsidized diesel—priced at RM2.15 per litre in these regions—by smuggling syndicates or ineligible industrial sectors, he said.




***The four-wheel-drive vehicle is detained by KPDN Sandakan enforcement personnel at a fuel station during the operation.***

"The case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961. Individuals convicted may face a fine of up to RM1 million, imprisonment of up to three years, or both. For a second or subsequent offence, penalties increase to a fine of up to RM3 million, imprisonment of up to five years, or both. Companies found guilty may be fined up to RM2 million, and up to RM5 million for subsequent offences," he added.

KPDN reminded all petrol station operators to comply with the April 1 directive and strictly enforce the diesel sales limits. Operators are also prohibited from selling RON95 petrol or subsidised diesel to buyers without written authorisation from the Malaysian Controller of Supplies.

Continuous inspections and monitoring under Ops Tiris 4.0 will be conducted to eradicate any form of misappropriation of controlled goods in the Sandakan district. Members of the public are encouraged to provide information but are reminded to remain prudent and responsible, and to refrain from sharing unverified news that could cause public panic or concern, Joe Azmi said. – ***James Leong***

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995
HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 15

# 1,000 liter diesel, dua kenderaan dirampas di Lahad Datu

LAHAD DATU: Kegiatan mengisi minyak diesel tanpa permit terbongkar apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas kira-kira 1,000 liter bahan api itu dalam Ops Tiris 4.0, kelmarin.

Dalam operasi bermula jam 12 tengah malam itu, dua lelaki tempatan berusia lingkungan 20-an turut ditahan selepas disyaki terbabit dalam aktiviti penyelewengan bahan kawalan berkenaan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Lahad Datu, Azizul Amran berkata, operasi dijalankan bagi memastikan pematuhan larangan penjualan petrol RON95 serta memantau aktiviti di stesen minyak sekitar daerah itu.

Katanya, ketika pemeriksaan di sebuah stesen minyak, pihaknya mengesan dua suspek sedang mengisi minyak diesel ke dalam tong drum yang diletakkan di atas dua kenderaan pacuan empat roda.

"Hasil siasatan awal mendapati kedua-dua suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit kebenaran bagi pengisian diesel berkenaan.

"Susulan itu, kedua-duanya ditahan untuk siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas dua kenderaan pacuan empat roda yang digunakan dalam kegiatan berkenaan.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan termasuk diesel dan kenderaan adalah sebanyak RM117,150," katanya.

Azizul berkata, KPDN akan terus mempergiatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan di daerah ini.

"Orang ramai diminta menyalurkan maklumat sekiranya mempunyai sebarang maklumat berkaitan kegiatan ini melalui saluran rasmi KPDN," katanya.




**OPERASI .... Pasukan penguat kuasa KPDN menjalankan pemeriksaan ke atas beberapa kenderaan di sebuah stesen minyak sekitar daerah ini.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 2



OPERASI: Pasukan penguat kuasa KPDN menjalankan pemeriksaan ke atas beberapa kenderaan di sebuah stesen minyak sekitar Lahad Datu.

# 1,000 liter diesel, dua kenderaan dirampas di Lahad Datu

Oleh Hamzah Sanudin

**LAHAD DATU:** Kegiatan mengisi minyak diesel tanpa permit terbongkar selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas kira-kira 1,000 liter bahan api itu dalam Ops Tiris 4.0, semalam.

Dalam operasi bermula jam 12 tengah malam itu, dua lelaki tempatan berusia lingkungan 20-an turut ditahan selepas disyaki terbabit dalam aktiviti penyelewengan bahan kawalan berkenaan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Lahad Datu, Azizul Amran berkata, operasi dijalankan bagi memastikan pematuhan larangan penjualan petrol RON95 serta memantau aktiviti di stesen minyak sekitar daerah itu.

Katanya, ketika pemeriksaan di sebuah stesen minyak, pihaknya mengesan dua suspek sedang mengisi minyak diesel ke dalam tong drum yang diletakkan di atas dua kenderaan pacuan empat roda.

"Hasil siasatan awal mendapati kedua-dua suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit kebenaran bagi pengisian diesel terbabit.

"Susulan itu, kedua-duanya ditahan untuk siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas dua kenderaan pacuan empat roda yang digunakan dalam kegiatan berkenaan.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan termasuk diesel dan kenderaan adalah sebanyak RM117,150," katanya.

Azizul berkata, KPDN akan terus mempergiatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan di daerah ini.

"Orang ramai diminta menyalurkan maklumat sekiranya mempunyai sebarang maklumat berkaitan kegiatan ini melalui saluran rasmi KPDN," katanya.

# KPDN P. Pinang tumpas kegiatan penyelewengan diesel bernilai lebih RM300,000



PENYELEWENGAN: S. Jegan menunjukkan dua buah lori tangki ketika mengadakan sidang media di Stor Ekshibit KPDN negeri semalam. — Gambar Bernama

**BUKIT MERTAJAM:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel melibatkan rampasan 21,190 liter bahan api itu bernilai RM327,963.80 dalam serbuan di sebuah stor haram di Sungai Lokan, Butterworth dekat sini malam kelmarin.

Pengarahnya S. Jegan berkata operasi itu dilaksanakan hasil risikan dari sebulan lepas sebelum menyerbu stor itu pada 8.30 malam dan mendapati kegiatan pemindahan minyak diesel sedang berlaku membabitkan dua lori tangki.

"Semasa serbuan, lori tangki berkapasiti 18,000 liter sedang memindahkan diesel ke lori tangki 23,000 liter dan pemeriksaan lanjut mendapati premis gagal mengemukakan dokumen berkaitan lesen atau permit untuk memiliki dan menguruskan barang kawalan berjadual seperti yang diwajibkan.

"Siasatan mendapati modus operandi sindiket ialah menjadikan lori tangki 18,000 liter sebagai stor bergerak dengan memindahkan diesel dari beberapa lori yang membeli dalam kuantiti kecil di stesen minyak di negeri ini," katanya pada sidang media di Stor Ekshibit KPDN Pulau Pinang di Bukit Minyak, di sini semalam.

Jegan berkata sindiket itu dipercayai mengumpul diesel secara berperingkat oleh ahli yang membeli bahan api itu di stesen minyak, terutamanya pada Rabu sebelum perubahan harga.

Diesel itu kemudiannya dipindahkan ke lori tangki lain untuk dibawa keluar dari Pulau Pinang dan dijual kepada pihak industri pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran yang ditetapkan kepada pihak tersebut.

Jegan berkata dalam serbuan itu, pihaknya menahan dua lelaki Myanmar berusia 20-an yang bekerja di situ dan siasatan lanjut sedang dijalankan termasuk mengesan dalang utama serta rangkaian sindiket tersebut.

Selain itu, KPDN Pulau Pinang menyita dua lori tangki, peralatan seperti hos dan pam serta beberapa dokumen perniagaan bagi membantu siasatan.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] iaitu memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan. — Bernama

# 昌明超市采企合模式运作

## 傅芝雅：不依赖政府资金

（新山 5 日讯）国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅指出，昌明超市（MADANI Mart）是以授权给企业家的合作模式运作，以确保这项倡议能够成功，同时不依赖政府资金。

她说，昌明基金（Yayasan MADANI）是昌明超市品牌的拥有者，该基金将负责培训、提供系统、价格及使用人工智能进行零售分析。

她指出，经营昌明超市的业者拥有发展业务的灵活性，而昌明基金会则是在供应链上提供帮助。

“昌明基金会没有接获来自政府的资助，也没有为昌明超市提供资本，每一家昌明超市都是由私人拥有。”

傅芝雅昨日在柔佛巡视其中一家昌明超时后，接受媒体访问时，如是指出。




**昌明超市是应对人民生活成本挑战的一项战略措施。**

她表示，昌明超市是应对人民生活成本挑战的一项战略措施，并为当地社区和企业提供参与商业经营的机会。#

詩華日報
SEE HUA DAILY NEWS

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 5

# 加馬威：沙砂交通條件所需
# 續獲柴油補貼意義重大

**丹南5日讯**丨州农渔及食品工业部长拿督加马威嘉华表示，联邦政府决定在沙巴与砂拉越继续维持柴油补贴，对两地人民而言具有重大意义，尤其是在柴油车辆使用率较高的背景下。

他对政府有关决定表示感谢，并称本州地理环境特殊，城镇之间距离遥远，加上部分地区道路条件仍有待提升，使得四驱车等柴油车辆成为民众日常出行的重要交通工具。

「我们感谢首相的明智决策，理解沙巴与砂拉越的实际需求与半岛有所不同。」

加马威昨日在丹南出席开斋节门户开放活动后，这么表示。

他也呼吁西马半岛人民理解东马在交通与生活条件上的差异。

与此同时，加马威提醒民众应善用燃油补贴，避免浪费，以确保资源可持续使用。「若有节余，应养成节俭习惯，为未来做好准备。」

针对当前炎热天气，他也特别提醒农业及渔业从业者提高警惕，避免露天焚烧，以防引发火灾及环境污染问题。

他透露，该部门正与国内贸易及生活成本部商讨，协助尚未获得燃油补贴的小型农民登记，以便他们也能受惠于农业、渔业及畜牧业用途的燃油补贴。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 侦破油槽车转运柴油

## 槟内贸局起32万财物



杰根（左）及官员展示犯案者使用的输油管及抽油泵。



槟州内贸局在北海双溪洛甘住宅区，捣破一宗使用油槽车非法转运柴油的活动。

（大山脚5日讯）槟州国内贸易及生活成本局在北海双溪洛甘住宅区，捣破一宗使用油槽车非法转运柴油的活动，起获总值近32万8000令吉财物。

该局主任杰根周日召开记者会指出，当局在经过约一个月的监视与情报搜集后，于昨晚展开突击行动。

他说，执法人员揭发涉案者正将一辆黑色油槽车内的柴油，转移至一辆白色油槽车，而白色油槽车在灌满后，准备离开槟州。在场人士无法出示由相关部门发出的执照或准证，以进行管制品的储藏或处理工作。

他指出，此案的作案手法，与当局今年2月在威南侦破的油槽车非法转运柴油案如出一撤，即将油槽车充当“流动仓库”。

行动中，当局扣押了2辆油槽车、1套输油管、1台抽油泵、约2万1190公升柴油及数份相关商业文件，总值约32万7963令吉80仙。

“执法人员也在现场逮捕了两名年龄约20岁的印度籍男性外劳协助调查。目前仍在追查幕后主使。”

他指出，当局正调查相关柴油是否属于旧库存，同时，是否涉及补贴受惠群体如渔民，以及柴油是否被将运往国外。

他说，根据该局观察，非法转运柴油活动通常是在每周三下午油价公布后活跃，非法集团在掌握油价走势后，往往会伺机释放库存以牟取暴利。

该局援引《1961年供应管制法令》第21条文调查此案。

他强调，当局将持续监督与执法，确保没有任何一方滥用受管制的补贴商品。

他呼吁民众，若发现任何涉及管制品的违法行为，可透过以下管道向内贸局提供情报：WhatsApp 019-8488000、浏览网站投诉 http://eaduan.kpdn.gov.my、热线电话1-800-886-800、手机应用程式 EzADU KPDN。#

中國報 CHINA PRESS

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 5

## 傅芝雅：昌明超市與企業合作

# 不依賴政府資金運作

（新山5日讯）国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅指出，“昌明超市”（Madani Mart）通过执照合作模式，与企业家携手推动的一项社区零售计划，并不依赖政府资金运作。

她说，作为品牌拥有者的昌明基金会负责整体生态系统，包括培训、系统支持、价格制定及运用人工智能（AI）进行零售分析。

“该计划为企业家提供灵活经营空间，同时可借助昌明基金会的供应链支持开展业务。”

### 均為私人擁有

“马新社”报导，傅芝雅昨日在新山出席一项亲善走访活动后，受询有关计划被指类似一马人民商店（KR1M）时，如是回应。

她强调，昌明基金会既不接受政府拨款，也不为昌明超市提供资本投入，每一家门店均为私人拥有。

她指出，该计划是一项重要的策略举措，以更全面及针对性方式应对人民生活成本压力，同时无需政府直接注资。

“昌明超市是通过公共与私人合作模式推动，涉及国内贸易及生活成本部、私营执照经营者及昌明基金会三方协作。”

她说，该计划也为社区及本地企业家提供参与商业活动的平台，促进基层经济发展。




■傅芝雅（右）为一项亲善走访活动主持开幕仪式。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 16

# 不同地點收集整合轉移 住宅倉庫起32萬元柴油

（大山脚5日讯）继2月28日侦破威南非法转运柴油案后，槟州国内贸易及生活费局（KPDN）昨晚再于北海一间住宅区非法仓库，起获2万1190公升，总值约32万7963令吉80仙的补贴柴油，并逮捕两名外籍男子助查。

局长杰根今午召开记者会时指出，该局经过约一个月情报监视后展开行动，初步调查显示，此地点被用作转移柴油的中转站，即将一辆油槽罗里的柴油抽送至另一辆油槽罗里。

他说，集团运作模式与早前侦破的油槽车案类似，可视为“第二阶段”的延续，只是更换地点。

“之前曾发现一辆被弃置、不移动的‘罗里仓库’，此案情况相似，只是转移到北海双溪洛甘（Sungai Lokan）一带的住宅区进行，属于非法仓库。”

## 逮捕2外籍男助查

他指出，每一辆罗里实际上都充当“流动仓库”，每日在不同地点收集柴油，再集中运往仓库进行整合与转移。

“我们相信他们是利用小型罗里，在多个地点以‘少量多次’方式收集柴油，再集中起来。”

他说，执法人员突击时，两辆油槽罗里正在仓库内，一辆黑色罗里正准备将柴油转移至另一辆罗里。

“当时他们正把柴油抽送至罗里A，一旦装满，A罗里就会离开槟城，运往外地。”

他透露，当局仍调查是否涉及库存因素，但发现活动通常在星期三下午后趋于活跃。

“他们会留意油价是否在星期三调整，一旦预期价格上涨，就会释放库存，从中牟利。每一次油价上调，对他们来说都是一个赚钱的机会。”

他说，相信被捕的两名20余岁印度籍男子只是工人，至于幕后主使是否涉及本地人士，仍有待调查。

他指出，当局是通过追踪掌握线索，包括发现相关人士在油站添油，並锁定他们可能以分散方式收集柴油。

针对柴油去向，杰根回应说，当局相信柴油将运出槟城。白色罗里当时准备离开槟城，不排除会运往更远地点，甚至国外。哪里价格高，他们就往哪里送。

他说，当局援引1961年供应管制法令第21条文调查，并将持续加强执法行动，打击补贴物资遭滥用与走私活动。（CSH）



■杰根（左）向媒体讲解外籍男子如何将柴油转输至另一辆罗里。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை
TAMIL MAKKAL OSAI

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 6

# பினாங்கில் நடமாடும் டீசல் கடத்தல் கும்பல் முறியடிப்பு

## இந்திய பிரஜைகள் இருவர் கைது

புக்கிட் மெர்தாஜம், ஏப். 6- பினாங்கு மாநில உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை, நடமாடும் டீசல் கடத்தல் கும்பலை வெற்றிகரமாக முறியடித்தது. சனிக்கிழமை இரவு சுங்கை லோக்கான், பட்டர்வொர்த்தில் ஒரு வீடமைப்புப் பகுதியில் மேற்கொள்ளப்பட்ட ஓப்ஸ் திரீஸ் 3.0 எனும் நடவடிக்கையில் அந்த கும்பல் முறியடிக்கப்பட்டிருக்கிறது என்று பினாங்கு உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை இயக்குநர் எஸ்.ஜெகன் கூறினார்.



3 லட்சம் ரிங்கிட்டிற்கு மேல் மதிப்புடைய டீசல் இந்த நடவடிக்கையில் பறிமுதல் செய்யப்பட்டது. 20 வயது மதிக்கத்தக்க இந்திய நாட்டு பிரஜைகள் இருவர் கைது செய்யப்பட்டனர்.




எண்ணெய் லோரியில் இருந்து இவர்கள் டீசலை மாற்றிக்கொண்டிருந்த சமயம் பிடிபட்டனர். சிறிய லோரிகளில் பெட்ரோல் நிலையங்களில் இருந்து டீசலை வாங்கும் கும்பல் பின்னர் அந்த டீசலை பெரிய எண்ணெய் லோரிகளுக்கு மாற்றிய செயல்களில் ஈடுபட்டு வந்ததும் இதன்மூலம் அம்பலமானது.

பெரிய எண்ணெய் லோரிகள், நடமாடும் கிடங்குபோல் இருந்திருக்கின்றன. இப்படி கடத்தப்படும் டீசல் பினாங்கு மாநிலத்திற்கு வெளியில் விற்கப்பட்டு வந்ததும் தெரிய வந்தது. இதன்மூலம் அந்த கும்பல் பெரிய லாபத்தை சம்பாத்திருப்பதும் தெரிய வருகிறது.

கிட்டத்தட்ட ஒரு மாதத்திற்கு மேல் அந்த கும்பல் செயல்பட்டு வந்திருக்கலாம் என்றும் நம்பப்படுகிறது.

இந்த கும்பலை உளவு பார்த்த பிறகு இந்த அதிரடி நடவடிக்கை மேற்கொள்ளப்பட்டதாக அவர் குறிப்பிட்டார்.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 12



Oleh Siti Hadijah Che Mat dan Norzita Jamil

# Harga minyak: Tekanan senyap kos sara hidup



DENGAN subsidi bersasar yang telah mengurangkan beban langsung, cabaran sebenar kini terletak pada kesan berantai terhadap harga barang dan perkhidmatan.

APABILA harga minyak meningkat, tumpuan masyarakat lazimnya beralih kepada kos mengisi tangki kenderaan. Namun, kerajaan telah melaksanakan subsidi bersasar petrol RON95 melalui inisiatif Budi Madani yang menyasarkan pemberian subsidi kepada warganegara Malaysia yang layak. Melalui mekanisme ini, rakyat Malaysia yang memiliki MyKad serta lesen memandu yang sah boleh menikmati harga petrol bersubsidi dengan had penggunaan bulanan tertentu.

Sebelum ini, had subsidi ditetapkan sekitar 300 liter sebulan dan kemudiannya diselaraskan kepada 200 liter sebulan mulai 1 April 2026 memandangkan ketidaktentuan harga minyak global serta tekanan terhadap bekalan tenaga. Pelarasan ini dibuat berdasarkan dapatan bahawa purata penggunaan petrol dalam kalangan penerima subsidi hanya sekitar 100 liter sebulan, manakala sebahagian besar pengguna menggunakan kurang daripada 200 liter. Bagi kebanyakan isi rumah berpendapatan rendah yang menggunakan motosikal atau kenderaan kecil, jumlah ini masih mencukupi untuk keperluan mobiliti asas seperti perjalanan ke tempat kerja, menghantar anak ke sekolah dan urusan harian.

Namun, cabaran sebenar bukan lagi tertumpu kepada kos bahan api semata-mata, sebaliknya kepada kesan tidak langsung kenaikan harga minyak terhadap kos sara hidup secara keseluruhan.

Walaupun kos petrol bagi pengguna yang layak masih terkawal, kesan sebenar kenaikan harga minyak lebih ketara berlaku secara tidak langsung dalam rantaian ekonomi. Apabila kos bahan api meningkat, kos pengangkutan barangan dari kawasan pengeluaran ke pasar borong dan seterusnya ke kedai runcit turut meningkat. Pembekal makanan, pengusaha logistik, peniaga kecil dan perkhidmatan penghantaran terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi, termasuk penggunaan diesel bagi lori pengangkutan, caj penghantaran serta kos penyelenggaraan kenderaan. Kebiasaannya, peningkatan kos ini akan dipindahkan secara berperingkat kepada pengguna melalui pelarasan harga barangan.

Kesan ini amat ketara dalam sektor makanan kerana hampir semua bahan mentah perlu melalui proses pengedaran sebelum sampai kepada pengguna. Sayur-sayuran dari kawasan pertanian, ikan dari jeti pendaratan serta bahan mentah lain perlu dihantar menggunakan pengangkutan darat. Apabila kos pengangkutan meningkat, harga runcit turut mengalami pelarasan. Walaupun kenaikan bagi setiap barangan mungkin kecil, kesannya menjadi besar apabila melibatkan keseluruhan bakul perbelanjaan isi rumah.

Kesan tidak langsung ini juga berlaku secara beransur-ansur. Harga makanan harian meningkat sedikit demi sedikit, kos perkhidmatan bertambah dan perbelanjaan rutin menjadi lebih tinggi tanpa disedari. Caj penghantaran makanan, perkhidmatan e-hailing, kos pengangkutan peniaga kecil serta harga makanan di kedai dan gerai turut mengalami pelarasan.

Walaupun setiap kenaikan kelihatan kecil, kesannya terkumpul dan secara perlahan menghakis kuasa beli isi rumah berpendapatan rendah. Inilah bentuk "tekanan senyap" yang menjejaskan kesejahteraan golongan miskin. Mereka mungkin masih mampu mengisi minyak pada harga bersubsidi, namun bakul barang dapur dan perbelanjaan harian semakin mahal.

### KETAHANAN ISI RUMAH

Kesan tidak langsung kenaikan harga minyak akhirnya memberi tekanan kepada ketahanan ekonomi isi rumah. Ketahanan ekonomi merujuk kepada keupayaan sesebuah keluarga menyerap peningkatan kos tanpa menjejaskan keperluan asas. Apabila harga makanan, barangan dapur dan perkhidmatan meningkat secara beransur-ansur akibat kos tenaga, perbelanjaan bulanan isi rumah turut meningkat. Walaupun setiap kenaikan kelihatan kecil, kesannya menjadi ketara apabila melibatkan keseluruhan kos sara hidup.

Perbelanjaan yang sebelum ini mencukupi menjadi semakin ketat apabila harga makanan, pengangkutan barangan dan kos perkhidmatan meningkat serentak. Dalam keadaan ini, isi rumah terpaksa menyesuaikan corak perbelanjaan harian seperti mengurangkan kuantiti pembelian, memilih barangan alternatif yang lebih murah atau mengehadkan perbelanjaan tertentu bagi memastikan keperluan asas masih dapat dipenuhi.

Apabila perbelanjaan harian meningkat dan simpanan semakin berkurang, isi rumah menjadi lebih terdedah kepada kejutan kewangan lain seperti kos kesihatan atau kerosakan kenderaan. Dalam jangka panjang, keadaan ini menjadikan ketahanan ekonomi keluarga berpendapatan rendah semakin rapuh kerana sebarang kenaikan kos tambahan akan terus memberi tekanan kepada keseimbangan kewangan mereka.

### SUBSIDI BAHAN API

Dari sudut dasar, subsidi bersasar bahan api merupakan langkah yang rasional kerana ia memastikan bantuan sampai kepada golongan yang memerlukan serta mengurangkan ketirisan. Namun, subsidi bahan api hanya mengurangkan beban langsung. Ia tidak mampu mengekang sepenuhnya kesan berantai kenaikan harga minyak terhadap kos barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, perlindungan terhadap golongan miskin perlu melangkaui pendekatan subsidi semata-mata.

Dalam menghadapi kesan tidak langsung akibat kenaikan harga minyak, langkah dasar yang lebih menyeluruh diperlukan bagi mengawal peningkatan kos sara hidup. Antara pendekatan penting ialah memperkukuh pemantauan harga barangan keperluan asas, terutamanya apabila berlaku perubahan ketara dalam kos tenaga dan logistik. Penguatkuasaan terhadap kenaikan harga yang tidak munasabah perlu dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan peningkatan kos tidak dipindahkan secara berlebihan kepada pengguna.

Program intervensi harga seperti jualan murah, pasar komuniti dan inisiatif jualan terus daripada pengeluar kepada pengguna wajar diperluaskan. Pendekatan ini dapat memendekkan rantaian pengedaran dan seterusnya mengurangkan kos yang akhirnya ditanggung oleh isi rumah berpendapatan rendah. Bantuan bersasar yang responsif terhadap perubahan kos sara hidup juga boleh membantu isi rumah B40 mengekalkan tahap perbelanjaan asas mereka apabila harga barangan meningkat.

Pendekatan berasaskan komuniti turut penting dalam mengurangkan tekanan kos hidup. Koperasi pengguna, pembelian secara berkumpulan serta inisiatif pasar komuniti mampu membantu keluarga B40 mendapatkan barangan pada harga yang lebih berpatutan. Pembelian terus daripada pembekal tempatan atau pengeluar kecil juga boleh mengurangkan kos pengedaran. Walaupun langkah ini kelihatan kecil, kesannya menjadi signifikan apabila dilaksanakan secara kolektif dan berterusan.

Dengan subsidi bersasar yang telah mengurangkan beban langsung, cabaran sebenar kini terletak pada kesan berantai terhadap harga barang dan perkhidmatan. Justeru, perlindungan terhadap golongan miskin memerlukan pendekatan yang lebih luas dan bersepadu merangkumi kestabilan harga makanan, bantuan bersasar yang responsif serta pengukuhan jaringan sokongan sosial di peringkat komuniti. Pendekatan menyeluruh ini bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan jangka pendek, malah meningkatkan keupayaan isi rumah B40 untuk menghadapi ketidaktentuan harga minyak pada masa hadapan.

PROFESOR Dr. Siti Hadijah Che Mat dan Dr. Norzita Jamil ialah pensyarah di Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Universiti Utara Malaysia (UUM).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 17

SAMBUTAN AIDILADHA

# Permintaan perlahan, harga haiwan korban naik



MUHAMMAD Khafe di kandang ternakannya.

**Kuala Lumpur:** Umat Islam yang bakal menyambut Aidiladha tidak lama lagi dijangka berdepan dengan kenaikan harga haiwan ternakan susulan peningkatan kos operasi yang ditanggung oleh pengusaha.

Konflik di Asia Barat memberi kesan kepada pasaran minyak global selain kenaikan harga diesel tempatan menjadi punca utama rantaian bekalan termasuk makanan haiwan turut terjejas.

Pengusaha haiwan ternakan di Banting, Muhammad Khafe Sailan, 38, berkata, kenaikan harga tidak dapat dielakkan kerana hampir keseluruhan operasi kandang bergantung kepada penggunaan diesel.

"Pengangkutan antara komponen kos terbesar, bermula daripada proses mengambil bekalan makanan hingga ke penghantaran ternakan kepada pelanggan.

"Kos minyak naik, jadi kos operasi pun naik. Kebanyakan operasi kandang membabitkan penggunaan diesel, seperti mengisi minyak lori untuk pengangkutan rumput napier dan membeli dedak.

"Malah, untuk mencuci kandang juga kami menggunakan pam air yang dioperasikan dengan enjin diesel," katanya ketika dihubungi.

Mengulas mengenai trend permintaan tahun ini, Muhammad Khafe mengakui pasaran kelihatan sedikit perlahan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Walaupun tempahan awal masih diterima, katanya, faktor ekonomi semasa yang mencabar mungkin menyebabkan ramai pelanggan lebih berhati-hati dalam merancang perbelanjaan ibadah korban mereka.

Dia berkata, apabila harga diesel melonjak secara mendadak, ia memberi kesan domino terhadap semua kos harian pengurusan ternakan.

"Bagi tahun ini, harga seekor lembu di pasaran bermula daripada RM5,500 hingga RM6,500 bergantung kepada saiz. Manakala bagi kambing pula, harga yang ditawarkan adalah antara RM1,200 hingga RM2,000 seekor. Kenaikan ini jelas dirasai memandangkan kos input yang semakin mahal.

"Bagi individu yang memilih untuk melaksanakan korban secara bahagian, harga bagi satu bahagian lembu kini mencecah RM850. Harga ini menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi membantu pengusaha menampung kos penjagaan haiwan yang semakin meningkat di pasaran.

"Jika dibandingkan dengan tahun lalu, harga lembu bermula daripada RM5,200 seekor, manakala kambing boleh didapati dengan harga sekitar RM1,000. Ini menunjukkan terdapat jurang kenaikan antara RM300 hingga RM500 bagi setiap ekor lembu untuk tahun ini," katanya.

ASIA TIMES EST 1995

HARI: ISNIN
TARIKH: 6/4/2026
M/SURAT: 14

# Subsidi diesel bantu rakyat Sabah - Jamawi

Oleh **JOHN TAMBANAN**

TENOM: Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Jamawi Jaafar merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas keputusan mengekalkan subsidi diesel di Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, langkah itu amat signifikan memandangkan keperluan penggunaan kenderaan diesel yang tinggi dalam kalangan rakyat di negeri ini.

"Kita mengucapkan terima kasih atas kebijaksanaan Perdana Menteri mengekalkan subsidi diesel di Sabah dan Sarawak.

"Kita memahami kebanyakan rakyat Sabah menggunakan kenderaan diesel, khususnya kenderaan pacuan empat roda, disebabkan faktor geografi, jarak antara pekan yang jauh serta keadaan jalan raya yang belum setara dengan di Semenanjung," katanya ketika ditemui media pada sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri yang dihoskan oleh beliau yang juga Adun Melalap bersama isterinya di Dewan Datuk Seri Panglima Antanom di sini.

Sehubungan itu, Jamawi berharap masyarakat di Semenanjung dapat memahami keperluan berbeza di Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, Jamawi menasihatkan rakyat supaya memanfaatkan subsidi bahan api dengan bijak dan tidak melakukan pembaziran.

"Kita gunakan kemudahan ini sebaiknya. Jika ada lebihan, berjimatlah kerana ia penting untuk masa depan. Jangan membazir," katanya.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap sektor pertanian dan perikanan, beliau turut mengingatkan pengusaha agar lebih berwaspada, terutama dalam musim panas ketika ini.

"Kita nasihatkan supaya elakkan pembakaran terbuka kerana ia boleh mengundang risiko kebakaran serta menjejaskan alam sekitar," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa pihak kementerian sedang berusaha membantu petani kecil yang belum menerima subsidi bahan api.

"Kita telah berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup supaya mereka ini dapat didaftarkan dan turut menikmati subsidi bahan api bagi kegunaan sektor pertanian, perikanan dan penternakan," katanya.

Selain itu, Jamawi berkata kenaikan harga baja ketika ini turut memberi kesan kepada golongan petani, susulan faktor global termasuk sekatan eksport oleh negara pengeluar.

"Kebanyakan baja dihasilkan daripada petroleum dan kita juga berdepan isu pemberhentian eksport dari China, yang sedikit sebanyak menjejaskan bekalan tempatan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan petani beralih kepada penggunaan baja kompos sebagai alternatif lebih mampan.

"Penggunaan baja kompos bukan sahaja dapat mengurangkan kos, malah membantu meningkatkan kesuburan tanah secara semula jadi," katanya.

Dalam masa sama, beliau memberi jaminan kementeriannya akan terus berunding dengan pihak berkaitan bagi memastikan bekalan baja mencukupi dan dapat diagihkan secara teratur.

Jamawi turut menggesa masyarakat agar sentiasa berhubung dengan pegawai pertanian, veterinar dan perikanan di kawasan masing-masing bagi mendapatkan bantuan serta khidmat nasihat.

"Kita mempunyai pegawai di lapangan yang sentiasa bersedia membantu menyelesaikan isu yang dihadapi petani dan pengusaha," katanya.



**RAMAH MESRA .... Jamawi (kanan) beramah mesra dengan Rubin (tiga dari kiri) sambil disaksikan oleh Jordan Jude (kanan, belakang).**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 6 APRIL 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 6-Apr | Pengusaha stesen minyak sokong sekatan penggunaan kad kredit dan debit asing | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pengusaha-stesen-minyak-sokong-sekatan-penggunaan-kad-kredit-dan-debit-asing/ | RTM |
| 6-Apr | Diesel and petrol theft cases reported in Penang | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/03/diesel-and-petrol-theft-cases-reported-in-penang | THE STAR |
| 6-Apr | Isu stok beras dibincang, kerajaan negeri perketat pemantauan | https://sabahmedia.com/2026/04/03/isu-stok-beras-dibincang-kerajaan-negeri-perketat- | SABAH MEDIA |
| 6-Apr | Stok beras dibincang susul-an laporan kekurangan bekalan | https://tvsabahnews.com/stok-beras-dibincang-susulan-laporan-kekurangan-bekalan/ | TVS |
| 6-Apr | Guna berus bulu babi: Produk kopi, biskut diarah tarik balik dari pasaran | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1528778/guna-berus-bulu-babi-produk-kopi-biskut-diarah-tarik-balik-dari | BERITA HARIAN |
| 6-Apr | Guna berus bulu babi: Produk kopi, biskut diarah tarik balik dari pasaran | https://www.buletintv3.my/nasional/guna-berus-bulu-babi-produk-kopi-biskut-diarah-tarik-balik-dari-pasaran/ | TV3 |
| 6-Apr | Guna berus bulu babi: Produk kopi, biskut diarah tarik balik dari pasaran | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1340882/guna-berus-bulu-babi-produk-kopi-biskut-diarah-tarik-balik- | HARIAN METRO |
| 6-Apr | Dua syarikat di Melaka yang ditarik balik SPHM diarah henti guna logo halal - Exco | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-syarikat-di-melaka-yang-ditarik-balik-sphm-diarah-henti-guna-logo-halal-exco | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Apr | Vehicle is modified to store extra diesel | https://www.dailyexpress.com.my/news/278720/vehicle-is-modified-to-store-extra-diesel/ | DAILY EXPRESS |
| 6-Apr | Pengusaha Stesen Minyak Terbeban Kpdn Janji Cari Penyelesaian Segera | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1529636/pengusaha-stesen-minyak-terbeban-kpdn-janji-cari-penyelesaian-segera | BERITA HARIAN |
| 6-Apr | KPDN akan bincang dengan MOF percepat bayaran modal pengusaha stesen minyak | https://harapandaily.com/2026/04/05/kpdn-akan-bincang-dengan-mof-percepat-bayaran-modal-pengusaha-stesen-minyak/ | HARAPAN DAILY |
| 6-Apr | Kpdn Bincang Dengan Kementerian Kewangan Percepat Proses Pembayaran Semula | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1341776/kpdn-bincang-dengan-kementerian-kewangan-percepat-proses-pembayaran-semula | HARIAN METRO |
| 6-Apr | Pengusaha stesen minyak terbeban, KPDN akan cari penyelesaian segera | https://www.buletintv3.my/nasional/pengusaha-stesen-minyak-terbeban-kpdn-akan-cari-penyelesaian-segera/ | TV3 |
| 6-Apr | KPDN cari jalan ringankan beban pengusaha stesen minyak | https://agendadaily.my/kpdn-cari-jalan-ringankan-beban-pengusaha-stesen-minyak/ | AGENDA DAILY |
| 6-Apr | KPDN teliti kaedah percepat bayaran balik modal pengusaha stesen minyak | https://www.kosmo.com.my/2026/04/05/kpdn-teliti-kaedah-percepat-bayaran-balik-modal-pengusaha-stesen-minyak/ | KOSMO |
| 6-Apr | Kerajaan Pandang Serius Keluhan Pengusaha Stesen Minyak Cari Jalan Penyelesaian Terbaik Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/774323/berita/nasional/kerajaan-pandang-serius-keluhan-pengusaha-stesen-minyak-cari-jalan-penyelesaian-terbaik---armizan | SINAR HARIAN |
| 6-Apr | Govt Speed Diesel Subsidy Reimbursements Petrol Station Operators | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/04/1410730/govt-speed-diesel-subsidy-reimbursements-petrol-station-operators | NST |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Apr | Kpdn Guna Kekuatan Sedia Ada Pantau Ketirisan Di Sempadan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1529667/kpdn-guna-kekuatan-sedia-ada-pantau-ketirisan-di- | BERITA HARIAN |
| 6-Apr | KPDN guna kekuatan sedia ada pantau ketirisan di sempadan | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-guna-kekuatan-sedia-ada-pantau-ketirisan-di-sempadan/ | TV3 |
| 6-Apr | KPDN guna kekuatan sedia ada pantau ketirisan di Kelantan | https://www.kosmo.com.my/2026/04/05/kpdn-guna-anggota-pegawai-sedia-ada-pantau-stesen-minyak-di-kelantan/ | KOSMO |
| 6-Apr | Guna kekuatan sedia ada, KPDN fokus lokasi panas penyeludupan | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/guna-kekuatan-sedia-ada-kpdn-fokus-lokasi-panas- | UTUSAN |
| 6-Apr | Lebih 368,000 Kenderaan Terima Subsidi Diesel SKDS | https://malaysiabangkit.com/lebih-368000-kenderaan-terima-subsidi-diesel-skds/ | MALAYSIA BANGKIT |
| 6-Apr | 368,911 kenderaan nikmati subsidi diesel SKDS | https://wartaoriental.com/2026/04/05/368911-kenderaan-nikmati-subsidi- | WARTA ORIENTAL |
| 6-Apr | Sebanyak 368,911 kenderaan darat nikmati subsidi diesel melalui SKDS | https://utusantv.com/2026/04/05/sebanyak-368911-kenderaan-darat-nikmati-subsidi-diesel- | UTUSAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Apr | Sindiket seleweng diesel bersubsidi ‘bergerak’ tump-as, nilai rampasan lebih RM300,000 | https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-bergerak-tumpas-nilai-rampasan-lebih-rm300000/ | TV3 |
| 6-Apr | Kpdn Pulau Pinang Tumpas Penyelewengan Diesel Ber-nilai Lebih Rm300000 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-tumpas-penyelewengan-diesel-bernilai-lebih-rm300000 | ASTRO AWANI |
| 6-Apr | Penang Kpdn Foils Diesel Misappropriation Worth Over Rm300000 | https://www.nst.com.my/news/regional/2026/04/1410890/penang-kpdn-foils-diesel-misappropriation-worth-over-rm300000 | NST |
| 6-Apr | Penang syndicate foiled in RM327,000 diesel smug-gling racket | https://thesun.my/news/malaysia-news/crime/penang-syndicate-foiled-in-rm327000-diesel-smuggling-racket/ | THE SUN |
| 6-Apr | Diesel Smuggling Ring Bust-ed In Penang Rm327000 In Seizures | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/05/diesel-smuggling-ring-busted-in-penang-rm327000-in-seizures | THE STAR |
| 6-Apr | Authorities Bust Subsidised Diesel Syndicate Seize Over Rm320K Goods | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/04/1410761/authorities-bust-subsidised-diesel-syndicate-seize-over-rm320k-goods | NST |
| 6-Apr | Kpdn Ppinang Tumpas Penyelewengan Diesel Ber-nilai Lebih Rm300000 | https://siakapkeli.my/articles/kpdn-ppinang-tumpas-penyelewengan-diesel-bernilai-lebih-rm300000 | SIAKAP KELI |
| 6-Apr | Sindiket seleweng diesel guna lori tangki sebagai stor tumpas lagi | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/sindiket-seleweng-diesel-guna-lori-tangki-sebagai-stor-tumpas-lagi/ | UTUSAN' |
| 6-Apr | Lagi Sindiket Seleweng Die-sel Bersubsidi Bergerak Tumpas Babit Nilai | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1341860/lagi-sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-bergerak-tumpas-babit-nilai | HARIAN METRO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Apr | Op Tiris 4.0: Dua lelaki ditahan, 1,000 liter diesel dirampas di Lahad Datu | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/op-tiris-4-0-dua-lelaki-ditahan-1000-liter-diesel-dirampas-di-lahad-datu/ | RTM |
| 6-Apr | Ops Tiris 40 Kpdn Rampas 1000 Liter Diesel Di Lahad Datu | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ops-tiris-40-kpdn-rampas-1000-liter-diesel-di- | ASTRO AWANI |
| 6-Apr | Ops Tiris 40 Kpdn Rampas 1000 Liter Diesel Di Lahad Datu | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/04/1529778/ops-tiris-40-kpdn-rampas-1000- | BERITA HARIAN |
| 6-Apr | Ops Tiris 4.0: Warga emas miliki 2,600 liter minyak tanpa permit sah ditahan | https://sabahmedia.com/2026/04/05/ops-tiris-4-0-warga-emas-miliki-2600-liter-minyak-tanpa- | SABAH MEDIA |
| 6-Apr | Dua Lelaki Ditahan Ketika Leka Isi Diesel Dalam Tong Dram Tanpa Permit | https://www.sinarharian.com.my/article/774356/berita/semasa/dua-lelaki-ditahan-ketika-leka-isi-diesel-dalam-tong-dram-tanpa-permit | SINAR HARIAN |
| 6-Apr | KPDN Sandakan seizes 120 litres of subsidised diesel, detains two men | https://www.asiatimes.com.my/2026/04/05/kpdn-sandakan-seizes-120-litres-of-subsidised-diesel-detains- | ASIA TIMES |
| 6-Apr | Sembunyi Petrol Di Belakang Bangunan Warga Emas Ditahan | https://www.sinarharian.com.my/article/774341/berita/semasa/sembunyi-petrol-di-belakang-bangunan-warga- | SINAR HARIAN |
| 6-Apr | 1000 Liter Diesel Dua Kenderaan Dirampas Di Lahad Datu | https://www.utusanborneo.com.my/2026/04/05/1000-liter-diesel-dua-kenderaan- | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Apr | Ops Tiris 4.0: KPDN Rampas 1,000 Liter Diesel Di Lahad Datu | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2541251 | BERNAMA |
| 6-Apr | 1,000 liter diesel, dua kenderaan dirampas di Lahad Datu | https://www.asiatimes.com.my/2026/04/05/1000-liter-diesel-dua-kenderaan-dirampas-di | ASIA TIMES |
| 6-Apr | Ops Tiris 4.0: KPDN Lahad Datu rampas 1,000 liter diesel bernilai RM117,150 | https://sabahmedia.com/2026/04/05/ops-tiris-4-0-kpdn-lahad-datu-rampas-1000-liter-diesel- | SABAH MEDIA |
| 6-Apr | Dua lelaki dicekup, 1,000 liter diesel dirampas | https://sabahnewstoday.net/dua-lelaki-dicekup-1000-liter-diesel-dirampas/ | SABAH NEWS TODAY |
| 6-Apr | Subsidi diesel bantu rakyat Sabah – Jamawi | https://jesselton-times.com/2026/04/05/subsidi-diesel-bantu-rakyat- | JESSELONTIMES |
| 6-Apr | Subsidi diesel bantu rakyat Sabah – Jamawi | https://sabahmedia.com/2026/04/05/subsidi-diesel-bantu-rakyat-sabah- | SABAH MEDIA |
| 6-Apr | Subsidi diesel bantu rakyat Sabah – Jamawi | https://wartaoriental.com/2026/04/05/subsidi-diesel-bantu-rakyat-sabah- | WARTA ORIENTAL |
| 6-Apr | 160,000 Pengguna Baharu eCOSS Direkod Dalam Tiga Bulan Pertama | https://malaysiaaktif.my/2026/04/pembelian-minyak-masak-bersubsidi-melalui-aplikasi-ecoss-lebih-telus-bersasar/ | MALAYSIA AKTIF |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT